





# 5

## PERLEMBAGAAN MALAYSIA DALAM PERSPEKTIF HUBUNGAN ETNIK

KASSIM THUKIMAN  
HAMIDAH ABDUL RAHMAN  
SUAIBAH

### PENGENALAN

Perlembagaan merupakan suatu dokumen yang paling tinggi letaknya dalam pentadbiran sesebuah negara. Ia mengandungi peraturan asas dan undang-undang bagi sesebuah negara. Perlembagaan adalah manifestasi sistem politik dan pentadbiran kerajaan yang diperaktikkan dalam sesebuah negara. Pembentukan undang-undang mesti selaras dan sesuai dengan semangat perlembagaan. Ia juga disesuaikan dengan institusi tertinggi dunia iaitu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Dalam amalan biasa, hanya hakim yang boleh menginterpretasi sesuatu klausa dalam perlembagaan. Ia disebabkan perlembagaan adalah rumit dan kompleks. Kewujudan sesebuah perlembagaan menggambarkan ketinggian pembentukan sesebuah tamadun masyarakat.

### TAKRIFAN PERLEMBAGAAN

Secara umum, perlembagaan boleh ditakrifkan sebagai dasar atau formula yang menyatakan bagaimana kuasa-kuasa awam di dalam sesebuah negara dibahagi-bahagi dan digunakan. Perlembagaan juga perlu melihat prinsip-prinsip asas yang membentuk institusi-institusi negara – eksekutif, badan perundangan dan kehakiman – sekaligus menyatakan bidang kuasa dan peranan mereka dalam kerangka itu. Perlembagaan juga mempunyai prinsip-prinsip yang



memegang kepada suatu nilai; contohnya negara kita menggunakan nilai perundangan British.

Abdul Aziz (2001) menyatakan bahawa jika dilihat dari segi dokumen, perlembagaan sebenarnya merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan dan perlembagaan-perlembagaan negeri di Malaysia. Ahmad Atory (2001) pula menjelaskan bahawa perlembagaan Malaysia merupakan sesuatu yang dianggap unik atau unggul jika dibandingkan dengan perlembagaan negara-negara lain. Antara perkara-perkara menyebabkan ianya unik ialah:

1. Malaysia mempunyai raja yang dilantik dan ianya berbeza dengan negara-negara lain yang tidak menjalankan sistem perlantikan Yang Dipertuan Agong. Majlis Raja-raja terdiri daripada sembilan orang raja yang melantik Yang Dipertuan Agong dalam tempoh lima tahun sekali.
2. Perlembagaan Malaysia merupakan kombinasi antara unsur-unsur federalisme dan kesatuan atau *unitary*. Federalisme merujuk kepada kuasa pentadbiran yang berada di bawah kawalan kerajaan pusat, manakala kuasa *unitary* merujuk kepada kuasa negeri bercampur kuasa kerajaan pusat.
3. Perlembagaan Malaysia mempunyai Majlis Raja-raja dan ini adalah berbeza dengan negara-negara yang lain.

Secara umumnya, perlembagaan dibahagikan kepada perlembagaan bertulis dan perlembagaan tidak bertulis. Bagi negara Malaysia, perlembagaan bertulis merupakan bentuk perlembagaan yang diamalkan yang mengandungi 15 bahagian, 183 perkara dan 13 jadual. Secara kesimpulannya perlembagaan merujuk kepada suatu set peraturan berkaitan dengan isu yang menyentuh kepada perkara hak, kuasa dan prosedur serta tanggungjawab di antara satu autoriti dengan autoriti yang lain dan juga antara autoriti dengan rakyat awam (Nazaruddin Mohd Jali et.al., 2001).

Dalam konteks negara Malaysia, perlembagaan adalah yang tertinggi dan tiada satu kuasapun yang boleh mengatasi ketinggian



Perlembagaan Malaysia. Walaupun tiga buah badan utama dalam struktur pemerintahan iaitu badan perundangan, eksekutif dan kehakiman menjadi panduan, namun ianya tertakluk kepada Perlembagaan Malaysia. Contohnya undang-undang persekutuan mengenai sesuatu perkara persekutuan boleh diisyiharkan tidak sah oleh mahkamah jika undang-undang itu bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia. Ini disebabkan Perlembagaan memperuntukkan dengan nyata Perkara 4(1) bahawa Perlembagaan Malaysia adalah undang-undang utama persekutuan, dan apa-apa undang-undang yang diluluskan yang berlawanan dengan perlumbagaan (adalah setakat mana yang berlawanan itu) terbatal.

Perkara yang sama boleh dilihat dalam konteks kuasa Yang Dipertuan Agong. Yang Dipertuan Agong merupakan tunggak utama kepada Malaysia dan setiap warga Malaysia perlu patuh dan taat setia kepada Raja dan Negara. Ini memandangkan Yang Dipertuan Agong merupakan lambang kedaulatan negara, ketua parlimen, ketua pemerintah, pemerintah tertinggi angkatan tentera dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kuasa Yang Dipertuan Agong sebagai ketua bagi ketiga-tiga cabang kerajaan (perundangan, kehakiman dan pemerintahan) perlu dijalankan tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan. Kesimpulannya kuasa perlumbagaan merupakan kuasa yang tertinggi dan kerajaan juga tertakluk kepada ketinggian yang dimiliki oleh Perlembagaan. (Mohamed Suffian, 1984).

## TUJUAN PERLEMBAGAAN

Antara tujuan utama pembentukan perlumbagaan dalam sesebuah negara ialah:

- i. Untuk mewujudkan suatu bentuk pemerintahan dan pentadbiran kerajaan yang adil, sistematik dan berkesan.
- ii. Untuk mengelakkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh badan-badan yang mentadbir dan memerintah negara.



- iii. Untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang berwibawa dan berintegriti serta menekankan kepentingan kuasa rakyat dalam sistem demokrasi.
- iv. Untuk mengawal dan memantau pentadbiran sesebuah kerajaan yang selaras dengan prinsip dan semangat perlembagaan.
- v. Untuk menjelaskan hak, peranan dan tanggungjawab rakyat sebagai warganegara yang menentukan kelangsungan sesebuah negara bangsa.
- vi. Untuk menjamin perkembangan dan kesinambungan sesebuah negara bangsa, dimana rakyatnya mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara.
- vii. Untuk menjamin keamanan, keharmonian, kestabilan dan kemakmuran sesebuah negara bangsa.

## PEMBAHAGIAN KUASA

Dalam sesebuah negara, biasanya struktur pemerintahan akan mengkategorikan tiga buah badan utama iaitu:

- 1. Badan perundangan (legislative) – institusi yang boleh menggubal perlembagaan yang sedia ada dan memperkenalkan undang-undang baru.
- 2. Badan eksekutif – institusi yang melaksanakan keputusan legislatif, kecuali dibenarkan membuat undang-undang kecil dalam bidang tugas.
- 3. Badan kehakiman (judiciary) sebuah badan yang menjalankan undang-undang seperti mana yang ditetapkan dalam perlembagaan sesebuah negara.



## SEJARAH PERLEMBAGAAN MALAYSIA

Perlembagaan Malaysia yang dimiliki pada masa kini mempunyai sejarah tersendiri, rentetan daripada peristiwa sejarah silam. Sejarah sesebuah perlembagaan sekadar mengimbas kembali peristiwa penting yang berlaku dan memberi sumbangan bermakna kepada bentuk perlembagaan yang ada pada masa kini. Ini merangkumi sejarah penglibatan penduduk tempatan dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air dari belenggu penjajahan. Akhirnya kerajaan British bersetuju untuk memberi kemerdekaan kepada negara ini pada 31 Ogos 1957.

## KERAJAAN-KERAJAAN AWAL

Suatu ciri pembentukan tamadun ialah pembentukan sesebuah kerajaan. Fenomena ini telah berlaku di Alam Melayu (Nusantara). Untuk menyempurnakan penubuhan sesebuah kerajaan, maka diwujudkan undang-undang. Ia dikenali sebagai Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri (atau Negara). Undang-undang Tubuh Kerajaan mempunyai pelbagai perkara yang menjelaskan tentang kuasa Sultan dan Pembesar di pusat kuasa pemerintahan, daerah-daerah dan wilayah taklukan. Pembentukan undang-undang tubuh bagi setiap kerajaan menunjukkan betapa masyarakat ketika itu sudah mencapai tahap ketamadunan yang tinggi dalam bidang politik dan pentadbiran. Walaupun hakikatnya sultan adalah pemerintah tertinggi yang mempunyai kuasa mutlak, namun pengagihan kuasa telah diberikan kepada penjawat kerajaan berdasarkan bidang kuasa yang tertentu. Undang-undang tersebut juga memerihalkan tanggungjawab secara timbal balik antara bidang kuasa raja dan peranan rakyat jelata. Undang-undang Tubuh Kerajaan tersebut juga mengandungi undang-undang bertulis dan lisan (sesuatu yang tidak dikanunkan dalam perlembagaan). Biasanya, undang-undang lisan menyebabkan berlaku ketidakadilan terhadap rakyat. Prinsip undang-undang juga memakai guna nilai agama dan adat resam.



Sungguhpun adat tidak menjadi suatu sumber undang-undang Islam, akan tetapi Islam membolehkan adat diterima dan diikuti oleh penganut-penganut agama Islam, selagi adat tersebut tidak bercanggah dengan undang-undang Islam. (Ahmad Ibrahim, 1982:203) Pada zaman awal, Winstedt telah membahagikan kumpulan undang-undang Melayu kepada tiga jenis iaitu:

- i. Undang-undang Minangkabau.
- ii. Undang-Undang Melaka.
- iii. Undang-undang Islam.

Dalam pemerintahan kerajaan-kerajaan Melayu, Undang-undang Melaka lebih terserlah digunakan dan amat berpengaruh. Selepas kedatangan Islam ke Nusantara, undang-undang Islam telah diterima dan dilaksanakan serta diserasikan dengan undang-undang adat. Sebagai contoh, bagi Kesultanan Melayu Melaka, mereka telah menggunakan dua sumber undang-undang iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. (Muhammad Yusof Hashim, 1980)

## **PERLEMBAGAAN ISLAM**

Perlembagaan dalam bentuk kenegaraan diasaskan oleh Nabi Muhammad yang dinamakan Piagam (Perlembagaan) Madinah. Perlembagaan ini menggambarkan pembentukan sebuah Negara Islam yang pertama di dunia. Perlembagaan tersebut meletakkan prinsip asas keperluan hidup dan peraturan-peraturan hidup yang dikaitkan dengan agama, sekaligus menafikan pendapat bahawa Islam adalah agama ritual (ibadah) semata-mata. Asas utama perlembagaan ialah al-Quran dan Hadith dan kesepakatan ulama' serta qiyas. Perlembagaan Madinah juga memperuntukkan perkara-perkara penting untuk orang bukan Islam.





## PENJAJAHAN BRITISH

Penglibatan awal British di Tanah Melayu mempunyai kaitan dengan urusan perniagaan di pelabuhan-pelabuhan (yang datang ialah syarikat dan bukan kerajaan kolonial). Setelah menguasai sesuatu tempat, barulah mereka mendapat piagam dari Kerajaan British di London untuk mentadbir sesebuah kawasan atau pelabuhan untuk dijadikan koloni. Kemudian secara strategik dan diplomasi, British memperkenalkan Sistem Penasihat (Sistem Residen) untuk mula campurtangan dalam hal ehwal pemerintahan, undang-undang dan politik. Kuasa pemerintahan mula dikuasai secara beransur-ansur agar British tidak dilihat sebagai penjajah. Sepertimana yang disebutkan dalam Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada tahun 1874 antara Sultan Abdullah dan Sir Andrew Clark iaitu:

“Sultan akan menerima dan menyediakan tempat kediaman untuk seorang pegawai British yang diberi nama Residen, yang akan diutuskan oleh Balai Kerajaan Perak dan nasihatnya hendaklah diminta dan diikuti di dalam semua perkara selain daripada agama dan adat Melayu” (Ahmad Ibrahim, 1982:205)

Perjanjian seumpama itu telah diikuti oleh Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Manakala negeri-negeri lain turut menandatangani perjanjian dengan British dengan melantik seorang penasihat di negeri masing-masing.

## PERLEMBAGAAN BRITISH

Terdapat tiga peringkat penguasaan British untuk mengkolonikan seluruh Tanah Melayu:

1. Pembentukan Negeri-negeri Selat 1826 (Crown Colony) – pemerintahan langsung



2. Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896 – pemerintahan secara tidak langsung.  
Pembentuan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu 1909  
(Setelah British berjaya mendapatkan negeri-negeri Melayu)
3. Utara dari Siam menerusi Perjanjian Bangkok) – pemerintahan secara tidak langsung.

## **NEGERI-NEGERI SELAT**

Negeri-Negeri Selat ditubuhkan pada 1824 apabila Syarikat Hindia Timur memiliki ketiga-tiga buah negeri di Tanah Melayu iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Negeri-negeri Selat ini diperintah oleh seorang Gabenor yang juga merupakan Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan dibantu oleh tiga orang Pesuruhjaya Residen.

## **NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU**

Menurut Mohamad Suffian (1984), Negeri-negeri Melayu Bersekutu merupakan sebuah persekutuan yang longgar, memandangkan ianya hanya mempunyai lima fasal sahaja dan panjangnya tidak sampai dua mukasurat bercetak. Negeri-negeri Melayu Bersekutu terdiri dari empat buah negeri iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Kerajaan British memulakan urusan pentadbirannya dengan menggunakan Sistem Residen. Untuk melicinkan urusan pentadbiran kolonial, keempat-empat buah negeri telah disatukan di bawah Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu wujud sehingga berlakunya Perang Dunia Kedua pada Disember 1941. Negeri-negeri Melayu Bersekutu tidak dianggotai oleh negeri Melayu yang lain. Setiap negeri menjalankan pemerintahannya secara bersendirian kerana mereka khuatir semua kuasa yang ada pada mereka dirampas oleh British. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit



penyelarasan dilakukan bagi membolehkan pentadbiran sesebuah negeri dijalankan dengan lebih berkesan.

## **NEGERI-NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU**

Untuk mengukuhkan penguasaan kolonial British di Semenanjung Tanah Melayu, mereka telah membuat perjanjian dengan Siam yang dinamakan Perjanjian Bangkok pada tahun 1909. Menerusi perjanjian tersebut, pentadbiran keempat-empat negeri Melayu Utara iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis telah diserahkan oleh Siam kepada British. Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu terdiri daripada negeri Kedah, Kelantan Terengganu, Perlis dan Johor. Johor adalah merupakan negeri yang paling akhir dikuasai secara rasmi oleh kerajaan British. Penguasaan tersebut ditandai dengan perlantikan seorang British General Advisor (Penasihat Am) di Johor pada tahun 1914. Usaha-usaha untuk menyatukan ketiga-tiga sistem pentadbiran di bawah pemerintahan British di Tanah Melayu telah dilakukan menerusi Dasar Desentralisasi antara tahun 1910-1941, tetapi telah mengalami kegagalan.

## **KESAN AWAL TERHADAP UNDANG-UNDANG ISLAM**

Berdasarkan Sistem Residen atau Penasihat, kerajaan British dikatakan tidak boleh mencampuri urusan yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Sekiranya dasar ini benar-benar dijalankan, ini bermakna sultan atau raja adalah ketua agama bagi setiap negeri. Justeru itu, undang-undang Islam boleh dilaksanakan mengikut ketentuan undang-undang di setiap negeri. Namun begitu, terdapat sekatan untuk melaksanakan undang-undang yang berkaitan dengan orang Islam. Oleh kerana kerajaan British telah menguatkuasakan dan menggunakan enakmen Undang-undang Sivil pada tahun 1937, maka peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan orang Islam



hanya meliputi enakmen undang-undang keluarga (nikah kahwin dan perceraian) dan pembahagian harta pusaka (faraid). Sehubungan itu, Mahkamah Syariah telah ditubuhkan untuk membicarakan tentang hal perkahwinan, perceraian, pewarisan dan amalan keagamaan (Hamid Jusoh, 1992). Namun begitu, penggunaan undang-undang ini tidak bersifat mutlak. Misalnya, hal berkaitan dengan amalan keagamaan dan pertukaran agama masih dalam kawalan undang-undang British.

## **PERLEMBAGAAN JEPUN DI TANAH MELAYU**

Semasa Perang Dunia Kedua, Jepun telah menjajah negara ini. Mereka menggunakan dua slogan yang utama iaitu “Asia untuk orang Asia” dan “Pensemakmuran Asia Timur Raya”. Ketika menjajah Tanah Melayu, Jepun juga mempunyai perlembagaan yang tersendiri. Antaranya ialah

1. Menjadikan Tanah Melayu tanah jajahan yang berkekalan.
2. Menghormati raja-raja Melayu.
3. Menzalimi orang Cina.
4. Menjepunkan Tanah Melayu khususnya dalam budaya, bahasa dan pendidikan.
5. Menyokong perjuangan kemerdekaan orang Melayu dan India.

Semasa Jepun menjajah negara ini, mereka menggunakan pendekatan dasar diskriminasi kaum. Sementara orang Cina mengalami pelbagai penyeksaan dan kezaliman, mereka menggambarkan seolah-olah orang Melayu dan India dilayan dengan penuh keistimewaan. Hakikatnya zaman penjajahan Jepun adalah zaman penyeksaan ke atas seluruh rakyat tanpa mengira kaum. Rakyat dilayan dengan penuh kekejaman dan tidak berperikemanusiaan. Ramai di kalangan penduduk yang dijadikan buruh paksa dalam program pembinaan landasan keretapi di Burma. Namun begitu, penjajah Jepun berjaya





menimbulkan prasangka antara kaum. Fenomena ini begitu ketara apabila Jepun meninggalkan negara ini, rusuhan antara kaum telah berlaku. Peristiwa berdarah di Batu Pahat umpamanya, menunjukkan prasangka yang begitu menebal antara kaum di Tanah Melayu. Tragedi kemanusiaan ini menggambarkan suasana politik yang tidak stabil dan huru hara.

## PERLEMBAGAAN MALAYAN UNION

Walaupun Tanah Melayu masih dijajah oleh Jepun, kerajaan British telah mengambil inisiatif dan strategi untuk kembali menjajah Tanah Melayu. Pada bulan Julai 1943, kerajaan British telah menubuhkan Malayan Planning Unit (MPU) yang diketuai oleh Major General Ralph Hone bertujuan untuk merangka perlembagaan Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Akhirnya pada 1 April 1946, kerajaan Malayan Union diisytiharkan secara rasmi diketuai oleh Edward Gent. Perlaksanaan kerajaan dan perlembagaan Malayan Union telah ditentang hebat oleh orang Melayu keseluruhannya. Hal ini tentunya berkaitan dengan isi kandungan perlembagaan yang menafikan kepentingan orang Melayu di negara ini. Dua tunggak utama parti Melayu ketika itu ialah PKMM yang diketuai Dr. Burhanuddin Al-Helmy (slogan perjuangan merdeka) dan UMNO yang diketuai oleh Dato' Onn Jaafar (slogan hidup Melayu dan tumbangkan Malayan Union). Antara isi kandungan utama Perlembagaan Malayan Union termasuklah:

1. Sebuah Malayan Union bagi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu termasuk Pulau Pinang.
2. Kerajaan yang berasingan bagi tanah jajahan Singapura.
3. Seorang Gabenor Jeneral bagi kedua-dua Malayan Union dan Jajahan Singapura.
4. Kuasa yang ada pada raja-raja terlalu sedikit dan kuasa telah dipindahkan kepada Baginda Queen. Sultan hanya menjadi



- Ketua Agama sahaja.
5. Hak istimewa orang Melayu dihapuskan dan digantikan dengan hak sama rata untuk semua kaum.
  6. Kewarganegaraan yang serupa bagi Malayan Union dan jajahan Singapura
  7. Sistem keadilan mengikut undang-undang British.

Penubuhan Malayan Union mendapat tentangan hebat dari orang Melayu yang akhirnya menyebabkan ia tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Antara sebab-sebab penentangan Malayan Union oleh orang Melayu ialah:

1. Raja-raja Melayu tidak lagi berkuasa dan taraf negeri Melayu telah bertukar dari negeri yang dinaungi kepada sebuah koloni jajahan.
2. Pemberian hak kerakyatan ‘jus soli’ yang sama rata kepada semua golongan bangsa yang dilahirkan di Tanah Melayu atau yang tinggal di Tanah Melayu selama 10 tahun.
3. Pemberian hak sama rata di kalangan rakyat mengakibatkan orang Melayu kehilangan hak keistimewaan.
4. Raja-raja Melayu berada dalam keadaan terpaksa bersetuju untuk menandatangani penubuhan Malayan Union.

Memandangkan tentangan yang diberikan oleh orang Melayu terlalu hebat terhadap penubuhan Malayan Union, akhirnya Kerajaan British terpaksa membubarkan rancangan Malayan Union dan menggantikannya dengan ‘Persekutuan Tanah Melayu’ (Mohd. Aris Osman, 1983).

## **PERLEMBAGAAN RAKYAT**

Ketika mana rakyat Tanah Melayu memusatkan perhatian kepada penentangan terhadap kerajaan Malayan Union, terdapat usaha-usaha



yang dijalankan oleh rakyat untuk menggubal perlembagaan negara. Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) yang diterajui oleh Dr Burhanuddin al-Helmy telah bekerjasama dengan pertubuhan bukan Melayu iaitu All Malayan Council of Joint Action (AMCJA) pimpinan Tan Cheng Lock pada 4-7 Julai 1947, untuk merangka perlembagaan alternatif bagi menggantikan Perlembagaan Malayan Union. Terdapat sepuluh isi utama perlembagaan iaitu:

1. Malaya bersatu termasuk Singapura.
2. Satu dewan perundangan pusat bagi seluruh Malaya dengan keseluruhan ahlinya dipilih oleh orang ramai.
3. Hak politik yang sama bagi semua orang yang menganggap Malaya sebagai tanah airnya dan sebagai tumpuan taat setianya.
4. Sultan Melayu haruslah mengambil tempatnya sebagai raja berperlembagaan yang berdaulat penuh, dan menerima nasihat rakyat melalui institusi-institusi demokratik, bukan ‘penasihat-penasihat’ British.
5. Perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu haruslah diletakkan dalam penguasaan orang-orang Melayu semata-mata.
6. Perhatian khas harus diberikan kepada kemajuan orang-orang Melayu.
7. Bahasa Melayu haruslah dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi Malaya.
8. Pertahanan dan hal ehwal luar negeri haruslah menjadi tanggungjawab bersama kerajaan Malaya dan British.
9. Kerakyatan Malaya haruslah dinamakan Melayu.
10. Merah dan putih haruslah dimasukkan sebagai latar bendera kebangsaan Malaya.

Pembentukan cadangan perlembagaan ini menunjukkan semua kaum boleh bekerjasama untuk membentuk negara Malaya yang merdeka. Oleh kerana cadangan perlembagaan ini dikemukakan oleh politik berhaluan kiri, maka ianya telah ditolak oleh kerajaan British.



## PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Penentangan yang kuat terutamanya dari orang Melayu telah mendorong kerajaan British untuk mengubah Perlembagaan Malayan Union kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Perlembagaan yang baru dikuatkuasakan secara rasmi pada 1 Februari 1948. Perlembagaan yang baru ini telah mengembalikan beberapa perkara penting yang berkaitan dengan sistem kerajaan, orang Melayu dan agama Islam. Antara kandungan utama perlembagaan tersebut ialah:

1. Persekutuan mengandungi sembilan buah Negeri Melayu dan dua Negeri Selat.
2. Singapura tetap diasingkan sebagai sebuah tanah jajahan Mahkota (crown colony)
3. Pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat dengan kuasa legislatif yang meluas menerusi Majlis Legislatif Persekutuan.
4. Ketua Kerajaan ialah Pesuruhkaya Tinggi British yang dilantik oleh Baginda Queen.
5. Majlis Eksekutif Persekutuan juga ditubuhkan untuk memberi nasihat kepada Pesuruhjaya Tinggi British termasuklah Ketua Setiausaha Negara, Peguam Negara dan Setiausaha Kewangan.
6. Kewujudan kerajaan-kerajaan negeri dengan kuasa yang terhad dan terbatas.
7. Kedudukan dan fungsi raja-raja Melayu telah dipulihkan semula.
8. Hak istimewa orang Melayu dikekalkan.
9. Pemberian taraf kerakyatan telah diperketatkan melalui syarat-syarat yang tertentu.



## SISTEM DEMOKRASI

Ekoran dari hasrat British dan Raja-raja Melayu supaya Tanah Melayu secara beransur-ansur menuju ke arah pemerintahan sendiri, beberapa pilihan raya telah diadakan. Pada bulan Julai 1955, pilihan raya telah diadakan bagi mengisi 52 kerusi dalam Majlis Undangan Persekutuan. Parti Perikatan memenangi majoriti kerusi iaitu 51 dari 52 kerusi yang dipertandingkan. Selepas memenangi pilihan raya Persekutuan yang pertama kali diadakan pada 27 Julai 1955, Parti Perikatan telah menghantar satu rombongan ke London yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman untuk berunding mengenai usaha kemerdekaan, seperti mana memenuhi janji utama dalam manifesto pilihan raya. Persidangan Perlembagaan tersebut diadakan dari 18 Januari hingga 6 Februari 1956. Setelah mengadakan beberapa siri perundingan dengan pegawai-pegawai kanan di Pejabat Tanah Jajahan, kerajaan British mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Reid untuk mengkaji dan menggubal pembentukan perlembagaan bagi Tanah Melayu yang merdeka. Namun begitu, tiada seorang pun rakyat Tanah Melayu yang menganggotai Suruhanjaya Reid.

Sebaliknya pihak British telah mendapat maklum balas dari wakil Parti Perikatan (UMNO-MIC-MCA) dan wakil Raja-raja Melayu. Wakil dari parti-parti pembangkang tidak dijemput untuk memberikan pandangan. Pembentukan isi kandungan perlembagaan merdeka dikatakan merupakan ‘consensus’ atau tolak ansur yang paling tinggi dalam pemuaafakatan tiga parti yang utama. Persetujuan itu berasaskan semangat dan prinsip ‘kontrak sosial’ yang diterima bersama untuk menjayakan kemerdekaan tanah air. Dalam pada itu, perundingan perjanjian kemerdekaan memberi kelebihan kepada kerajaan British untuk mengekalkan kepentingannya di Tanah Melayu.

## PERLEMBAGAAN MERDEKA

Menurut Mohamed Suffian Hashim (1994), Perlembagaan merdeka mempunyai ciri-ciri asas yang berikut:



1. Meletakkan Malaysia sebagai sebuah Persekutuan.
2. Malaysia sebagai Negara raja berperlembagaan
3. Malaysia sebagai Negara demokrasi berparlimen.
4. Memperuntukkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, tetapi pada masa yang sama tidak mengasaskan Malaysia sebagai sebuah Negara teokrasi, dan dengan jelas menjamin kebebasan beragama.
5. Perlembagaan memperuntukkan ketinggian perlembagaan dan kebebasan undang-undang.
6. Perlembagaan memperuntukkan pengasingan kuasa ketiga-tiga cabang kerajaan iaitu Parlimen, Eksekutif dan Badan Kehakiman yang mempunyai status yang sama dan setiap satunya mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang berbeza.
7. Perlembagaan memperuntukkan sebuah badan kehakiman yang berasingan dan bebas dari kawalan Parlimen dan Eksekutif, malah mempunyai bidang kuasa yang eksklusif untuk menentukan pertikaian dan hak-hak serta liabiliti lain dalam perlembagaan.

## KONTRAK SOSIAL

Tahun-tahun 1950an merupakan jangka masa yang agak kritikal di Tanah Melayu. Ini berikutan dari perjuangan rakyat yang menumpukan seluruh tenaga dan pemikiran untuk menuntut kemerdekaan dari penjajah British. Dalam pada itu, rakyat pelbagai kaum berbincang dan berunding secara terbuka atas perkara-perkara yang dianggap sensitif. Justeru itu, hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan orang Melayu dan bukan Melayu telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Malaysia menerusi semangat kerjasama dan tolak ansur (*quid pro quo*). Kemuncak kepada persefahaman, toleransi dan semangat kerjasama yang tinggi di antara kaum inilah yang dinamakan ‘kontrak sosial’. Hal ini tidak boleh dilihat dan dibincangkan dalam konteks



tahun 1957 sahaja. Ia mesti ditelusuri sejak wujudnya masyarakat majmuk di negara ini.

Fenomena ‘kontrak sosial’ begitu serius dibincangkan khususnya selepas Perang Dunia Kedua. Kewujudan perlembagaan Malayan Union telah menyebabkan majoriti orang Melayu bangkit menentangnya. Hal ini tentunya disebabkan oleh kerajaan British telah merampas hak orang Melayu dan diminta berkongsi dengan orang lain. Sikap toleransi orang Melayu digambarkan dengan penerimaan mereka terhadap isi kandungan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Gagasan ‘perpaduan sebelum kemerdekaan’ yang dicadangkan oleh Malcolm MacDonald juga diterima oleh orang Melayu. Akhirnya, Dato’ Onn telah menerima gagasan tersebut menerusi Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum (CLC). Berikutan dari itu, UMNO telah dicadangkan untuk membuka keahliannya kepada orang bukan Melayu. Hasrat politik tersebut tidak menjadi kenyataan. Akhirnya pada tahun 1954, UMNO, MCA dan MIC telah mengikat persatuan dan kesatuan untuk menuju Perikatan dan sekaligus menjayakan kontrak sosial antara tiga kaum yang terbesar di negara ini.

Penjelasan mengenai kepentingan rakyat Tanah Melayu terdapat dalam Artikel 14-18 yang mengesahkan taraf kerakyatan kepada orang bukan Melayu dan Artikel 152 yang mengesahkan tentang hak dan keistimewaan orang Melayu. Walaupun terdapat perbahasan dan kritikan mengenainya, tetapi semangat inilah yang membolehkan keharmonian kaum dan perpaduan nasional dapat dicapai. Bagi UMNO yang merupakan tulang belakang parti pemerintah, mereka melihat Perlembagaan Malaysia sebagai menjamin ketuanan Melayu dalam sistem politik keseluruhannya. Antara perkara utama yang diputuskan secara konsensus menerusi Parti Perikatan, Raja-raja Melayu dan Kerajaan British ialah:

1. Kedudukan Raja-raja Melayu dalam sistem pemerintahan
2. Kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.
3. Kedudukan bahasa Melayu (Malaysia) sebagai bahasa kebangsaan.



4. Hak istimewa orang Melayu diperuntukkan dalam perlembagaan.
5. Kerakyatan kepada semua penduduk Tanah Melayu yang meletakkan kesetiaan kepada negara.

## **KEDUDUKAN ORANG MELAYU DALAM PERLEMBAGAAN**

Hal yang berkaitan dengan orang Melayu telah dimasukkan dalam perlembagaan iaitu:

1. Melayu ertiinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap Melayu, menurut adat istiadat Melayu (Perkara 160(2)).
2. Mewujudkan dan menggazetkan Tanah Simpanan Melayu (Perkara 89).
3. Yang Dipertuan Agong bertanggungjawab dalam memelihara hak dan keistimewaan kepada orang Melayu dan bumiputera (Perkara 153).
4. Antara perkara yang dikaitkan dengan hak keistimewaan yang diperuntukan kepada orang Melayu ialah Tanah Simpanan Melayu, kuota dalam perkhidmatan awam, biasiswa kerajaan, pendidikan awam, lesen perdagangan dan permit.

## **KEDUDUKAN BAHASA MELAYU DALAM PERLEMBAGAAN**

Perlembagaan Persekutuan juga memaktubkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan (Perkara 152). Pengukuhan penggunaan Bahasa Melayu telah disahkan dalam Akta Pelajaran 1957, Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dan Akta Pendidikan 1996. Penggunaan



Bahasa Melayu adalah untuk tujuan rasmi dalam perkhidmatan awam dan pendidikan. Matlamat utamanya ialah membentuk identiti nasional dan perpaduan nasional dengan menggunakan satu bahasa komunikasi yang seragam. Pemaktuban Bahasa Melayu ada kaitan dengan perkembangan sejarah bahasa itu sendiri yang merupakan bahasa lingua-franca di Alam Melayu sejak sekian lama. Dalam penyebaran agama Islam di rantau ini, bahasa Melayu adalah faktor utama yang menyebabkan Islam begitu mudah disebarluaskan ke seluruh rantau Asia Tenggara. (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1978) Maka tidak hairanlah, Bahasa Melayu begitu mudah diterima untuk menjadi bahasa kebangsaan rasmi di negara ini. Dalam pada itu, bahasa pertuturan harian setiap kaum tidak diganggu dan terus dibersarkan dalam urusan tidak rasmi.

Namun begitu, kedudukan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan mengalami perubahan yang drastik mulai tahun 1996. Pindaan Akta Pendidikan telah memberi kelonggaran kepada penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan. Mulai tahun 2003, pihak kerajaan telah melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Hal ini tentunya memberi kesan kepada kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini.

## KEDUDUKAN AGAMA ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN

Perlembagaan Malaysia juga menjelaskan tentang agama iaitu:

1. Dari segi pentadbiran, urusan berkaitan Islam diletakkan di bawah kerajaan negeri.
2. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, Perlembagaan Persekutuan lebih agung (supreme) daripada Perlembagaan Negeri.
3. Sultan adalah ketua agama dan adat istiadat, kecuali negeri-negeri yang tidak beraja, ia adalah di bawah Yang Dipertuan Agong.





4. Agama Islam adalah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. [Perkara 3]
5. Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, tertakluk kepada fasal 11(4), mengembangkan agamanya (Perkara 11) "... adalah sah bagi Persekutuan atau negeri menubuhkan atau menyenggara institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam atau melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu. [Perkara 12(2)].
6. Kedudukan Islam dalam perlembagaan adalah terjamin dan dilindungi, walaupun dalam keadaan darurat. [Perkara 150(6A)]

Walaupun kedudukan Islam dalam perlembagaan Persekutuan begitu jelas, namun ada pihak yang cuba mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam. Isu ini berbangkit apabila Ahli Parlimen dari Pahang, Datuk Haji Yahya Abd. Razak mencadangkan bahawa semua majlis rasmi kerajaan mestilah bebas daripada sebarang hidangan alkohol (arak), sesuai dengan status negara Islam. Namun begitu, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman menyatakan bahawa "I would like to make it clear that this country is not Islamic State as it is generally understood, we merely provide that Islam shall be the official religion of the State". (Ahmad Ibrahim, 1985:217)

Tetapi apa yang jelas ialah Perlembagaan Persekutuan (sepertimana dalam Jadual 9, Senarai 2) telah memaktubkan peruntukan undang-undang Islam di bawah kawalan kerajaan negeri. (Ahmad Ibrahim, 1982:210) Antaranya ialah:

- i. Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan



- anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat.
- ii. Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan, amanah khairat dan yayasan khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam negeri.
  - iii. Adat istiadat Melayu.
  - iv. Zakat, fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya.
  - v. Masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam.
  - vi. Mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan.
  - vii. Keanggotaan, penyusunan dan acara bagi Mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan.
  - viii. Mengawal perkembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam, menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.

Undang-undang Islam meliputi semua perkara bukan sahaja undang-undang keluarga dan agama. Kita harus mempelajari dan mengemukakan undang-undang Islam dalam beberapa bidang, umpamanya undang-undang kontrak, jenayah, tort, harta, pekerja, perusahaan, tatanegara dan undang-undang antarabangsa. (Ahmad Ibrahim, 1986: 162) Untuk menjadikan



undang-undang Islam diperlakukan secara meluas dalam kehidupan masyarakat Islam, Ahmad Ibrahim (1982:212-213) mencadangkan beberapa langkah yang perlu diambil. Antaranya ialah:

- i. Memansuhkan Akta Undang-undang Sivil, 1956. Dengan pemansuhan akta itu, bermakna kita tidak lagi bergantung kepada undang-undang Inggeris semata-mata.
- ii. Memasukkan suatu perkara dalam Perlembagaan Malaysia yang berbunyi “Mana-mana Undang-undang yang bertentangan dengan Undang-undang Islam hendaklah terbatal dan dianggap tidak sah setakat mana ia bertentangan itu”.
- iii. Mengadakan syarat dalam semua kanun dan akta bahawa jika tidak ada dalam peruntukan, mahkamah hendaklah merujuk kepada undang-undang Islam.
- iv. Memperbaiki dan memperkemaskan terlebih dahulu sistem dan pengurusan di Mahkamah-mahkamah Kadi.

## **KEDUDUKAN RAJA-RAJA DALAM PERLEMBAGAAN**

Sistem politik Malaysia adalah warisan sistem politik beraja yang telah wujud sekian lama. Setiap negeri Melayu mempunyai sistem kesultanan. Justeru itu, sistem politik beraja telah dimaktubkan dalam perlembagaan tetapi diwujudkan dalam konteks Raja Berperlembagaan. Ketika pembentukan perlembagaan merdeka, Pulau Pinang dan Melaka diketuai oleh seorang Gabenor (kini Yang Dipertua Negeri). Sabah dan Sarawak juga mempunyai seorang Gabenor seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan Malaysia (1963). Raja adalah simbol pemerintahan yang melindungi keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Antara perkara yang dimaktubkan dalam perlembagaan mengenai kedudukan dan institusi raja ialah:

1. Perlembagaan mengesahkan kedudukan raja di negeri-negeri sebagai raja berperlembagaan.



2. Dari segi politik, institusi raja adalah merupakan ‘balance of power’ kepada sistem parliment.
3. Manakala seorang daripada mereka dipilih dan dilantik sebagai Yang Dipertuan Agong secara giliran 5 tahun sekali.
4. Raja-raja dan Yang Dipertua Negeri adalah ahli Majlis Raja-raja.
5. Raja-raja adalah merupakan ketua agama di negeri masing-masing.

Selain daripada itu, raja-raja mempunyai persidangan mereka yang tersendiri iaitu Majlis Raja-raja. Majlis ini telah ditubuhkan sejak tahun 1897 yang dikenali sebagai DURBAR. Hal ini disebabkan raja-raja berasa tidak puas hati disebabkan bidang kuasa mereka yang semakin mengecil akibat dasar penjajahan British. Walaupun majlis tersebut tidak mempunyai kuasa eksekutif yang besar, namun ia mempunyai kuasa yang tertentu sepetimana yang diperuntukkan dalam perlembagaan.

Pada 1983, krisis perlembagaan berlaku di mana kuasa eksekutif yang diperuntukkan kepada Yang Dipertuan Agong telah dihapuskan. Pada 1992, kekebalan (imuniti) undang-undang yang ada pada raja-raja juga ditiadakan. Perubahan dua pindaan perlembagaan ini telah mengukuhkan konsep ‘Raja Berperlembagaan’ dalam sistem pemerintahan negara. Bagi mengadili kes-kes yang melibatkan raja-raja, badan kehakiman negara telah menubuhkan Mahkamah Khas. Walaupun telah berlaku beberapa krisis politik yang melibatkan pihak kerajaan dan istana, namun sistem politik negara masih mempertahankan sistem yang diwarisi iaitu demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Sistem itu juga mampu mewujudkan keseimbangan kuasa dalam sistem kerajaan sehingga hari ini.

## HAL KERAKYATAN DALAM PERLEMBAGAAN

Antara perkara kerakyatan yang termaktub dalam perlembagaan ialah:



1. Perlembagaan menetapkan kerakyatan diberikan kepada penduduk negara ini yang lahir dan bermastautin dalam suatu tempoh tertentu.
2. Hal kerakyatan memakai guna Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.
3. Seseorang penduduk perlu kepada satu kerakyatan.
4. Kerakyatan adalah indikator utama yang mengaitkan seseorang dengan negaranya, selaras dengan undang-undang antarabangsa.
5. Konsep kerakyatan adalah berbeza dengan konsep penduduk tetap.

## **PERLEMBAGAAN MALAYSIA**

Kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura telah menyebabkan Perlembagaan Merdeka telah digubal dan diubahsuai yang dinamakan Perlembagaan Malaysia mulai 16 September 1963. Hal yang berkaitan dengan Singapura tidak menjadi keutamaan dalam perlembagaan selepas pemisahannya pada 9 Ogos 1965. Malah, pemisahan Singapura disebabkan oleh kepimpinan Lee Kuan Yew mempertikaikan dan menolak perlembagaan negara yang telah dimuafakatkan pada tahun 1957. Namun begitu, perkara-perkara utama tidak diubah kecuali memasukkan peruntukan-peruntukan berkaitan dengan kepentingan Sabah dan Sarawak.

Dalam penggubalan Perlembagaan Malaysia, terdapat peruntukan perlembagaan untuk Sabah dan Sarawak. Ia termasuklah:

1. Kedua-dua negeri tidak mempunyai agama rasmi
2. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi
3. Tambahan perlembagaan bagi kedua-dua negeri dalam Perlembagaan Persekutuan
4. Ketua bagi Persekutuan – Ketua Negeri tidak boleh menjadi Ketua Negara bagi Persekutuan.



5. Nama bagi Persekutuan ialah Malaysia, bukan Melayu Raya.
6. Imigresen di bawah kuasa pusat, tetapi memasuki Sabah dan Sarawak di bawah kerajaan negeri
7. Tiada hak untuk *succession*.
8. *Borneonisation* – keutamaan dalam kerajaan negeri.
9. Pegawai-pegawai British dikekalkan sehingga perlantikan orang tempatan yang berkelayakan.
10. Kerakyatan – mereka yang lahir selepas penubuhan Malaysia adalah warganegara Persekutuan.
11. Kerajaan Negeri berhak mengawal sendiri mengenai hal kewangan, tabung pembangunan dan tarif (cukai).
12. Kedudukan istimewa bagi bumiputera tempatan.
13. Kerajaan Negeri – perlantikan Ketua Menteri daripada ahli tidak rasmi Majlis Legislatif dan pembentukan sistem kementerian yang sempurna bagi kedua-dua negeri.
14. Zaman peralihan – diberikan dalam tempoh 7 bulan.
15. Sistem pendidikan sedia ada dikekalkan, tetapi kuasa mengenai pendidikan di bawah kerajaan negeri.
16. Pengekalan perlembagaan
17. Perwakilan dalam Parlimen Persekutuan
18. Nama bagi Ketua Negeri – Yang Dipertua Negara
19. Nama bagi negeri – Sabah atau Sarawak
20. Tanah, hutan dan kerajaan tempatan dan sebagainya - Majlis Tanah Negara dan Majlis Kebangsaan bagi Kerajaan Tempatan tidak boleh diaplikasikan di kedua-dua negeri.

## PINDAAAN PERLEMBAGAAN

Perlembagaan merupakan suatu yang bersifat dinamik. Ia boleh dipinda untuk kepentingan semasa, khususnya untuk melicinkan sistem pentadbiran dan pemerintahan. Justeru itu, atas kepentingan nasional, sesuatu akta yang diperuntukkan dalam perlembagaan negara atau negeri, boleh mengalami pindaan. Syarat utama ialah



rang undang-undang yang baru diperkenalkan memerlukan kelulusan dua pertiga dari ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negeri, serta mendapat pengesahan oleh DYMM Yang Dipertuan Agong atau Raja-raja bagi setiap negeri.

## KESIMPULAN

Perlembagaan negara adalah merupakan sumber utama untuk kefahaman setiap warganegara dan pembinaan kenegaraan. Setiap rakyat mesti akur dan menghormati intisari dan semangat perlembagaan. Pembentukan perlembagaan Malaysia adalah manifestasi kerjasama dan permuafakatan di kalangan rakyat pelbagai bangsa. Sesungguhnya generasi muda masa kini yang mewarisi kemerdekaan negara perlu memahami dan menginsafi perjuangan dan pengorbanan di kalangan rakyat dan pemimpin terdahulu untuk mentuntaskan pelbagai aspek berkaitan perlembagaan negara.